

SAMPEL

RANCANGAN PERNIAGAAN



اَوْنَبُو رَسِيْبِي تَتِيكُونُو لَو كِيْن مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

RAKYATpreneur 2025

NAMA PERNIAGAAN

MYRASA TOP ENTERPRISE

BIDANG PERNIAGAAN:

MAKANAN SEJUK BEKU & MAKANAN TERSEDIA

NAMA PEMILIK:

NUR SABIRA BINTI ABDUL GHAFAR

NO. KAD PENGENALAN:

920301-07-5324

ALAMAT OPERASI:

**777 MUKIM 5, BUKIT INDERA MUDA,
14400 BUKIT MERTA JAM, PULAU PINANG**

TARIKH:

5 JANUARI 2026

1. MAKLUMAT PERNIAGAAN

Nama Perniagaan	Myrasa Top Enterprise
Jenis Perniagaan	Pemilikan Tunggal
Bidang Perniagaan	Makanan sejuk beku & makanan tersedia
Alamat Operasi	777 mukim 5, Bukit Indera Muda, 14400 Bukit Mertajam
Tarikh Mula Operasi	6 Februari 2021
No. Pendaftaran (SSM)	CT0085092M
Nama Pemilik / Rakan Kongsi	Nur Sabira binti Abdul Ghafar

2. RINGKASAN PERNIAGAAN

Myrasa Top Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang memfokuskan kepada pengeluaran dan pemasaran produk makanan sejuk beku & makanan tersedia seperti pizza talam. Produk-produk ini dicipta untuk memberikan pengalaman rasa yang unik serta memuaskan untuk para pengguna. Rangkaian produk yang dikeluarkan oleh syarikat ini sesuai untuk hidangan harian masyarakat di Malaysia.

Objektif utama perniagaan adalah untuk menjana pendapatan yang stabil, membina pelanggan tetap serta mengembangkan operasi penjualan secara berperingkat. Dengan pengalaman dalam penyediaan makanan dan sokongan pembiayaan daripada Bank Rakyat, perniagaan ini diyakini berpotensi untuk berkembang secara mampan.

3. PRODUK / PERKHIDMATAN

Produk / Perkhidmatan	Penerangan Ringkas	Harga (RM)
Baby donat sejuk beku	380g (pelbagai perasa)	RM9 – RM13 / pax
Pizza talam	Pelbagai saiz	RM20 – RM80 / pax

Kelebihan Produk / Perkhidmatan:

- Cepat & mudah disediakan
- Sesuai untuk seisi keluarga & jamuan/majlis
- Harga berpatutan
- Tempahan fleksibel mengikut keperluan pelanggan

4. ANALISIS PASARAN

Sasaran Pelanggan	Sasaran pelanggan terdiri daripada penduduk kawasan seberang perai termasuk individu, keluarga serta organisasi kecil.
Tahap Permintaan Pasaran	Permintaan terhadap kuih sejuk beku & pizza talam adalah tinggi dan konsisten sepanjang tahun terutamanya bagi individu/keluarga yang berkerjaya yang mencari makanan yang mudah untuk disediakan & cepat serta sesuai untuk majlis dan acara komuniti
Pesaing Utama	Pengusaha kuih sejuk beku & peniaga pizza sekitar kawasan
Kelebihan Kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> • Harga kompetitif • Kualiti rasa konsisten • Servis mesra pelanggan

5. STRATEGI PEMASARAN

Strategi pemasaran dijalankan melalui media sosial seperti Facebook dan WhatsApp, promosi dari mulut ke mulut serta penawaran pakej yang berpatutan bagi menarik pelanggan baharu serta diskaun untuk pelanggan lama dan menjaga kualiti dan kepuasan pelanggan.

6. OPERASI PERNIAGAAN

Lokasi Operasi	Permis di Bukit Indera Muda
Waktu Operasi	Mengikut tempahan pelanggan
Pembekal / Sumber Utama	Pasar basah dan pemborong tempatan
Proses Operasi Ringkas	Proses Operasi: Tempahan → Pembelian bahan → Penyediaan → Pembungkusan → Penghantaran

7. PENGURUSAN & TENAGA KERJA

Pemilik bertanggungjawab ke atas pengurusan keseluruhan perniagaan dan dibantu oleh empat orang pembantu dapur secara sambilan semasa tempahan.

8. KEWANGAN (ANGGARAN RINGKAS)

- Kos Permulaan:	RM
• <i>Peralatan dapur</i>	10,000
• <i>Bahan mentah awal</i>	5,000
• <i>Sewa / Lesen / Lain-lain (RM)</i>	700
Jumlah Kos Permulaan (RM)	15,700
Anggaran Jualan Bulanan (RM)	7,000
Kos Operasi	2,000
Untung Kasar Bulanan (RM)	5,000

9. RISIKO & LANGKAH KAWALAN

Risiko utama termasuk persaingan dalam industri makanan serta kenaikan harga bahan mentah. Langkah kawalan yang diambil adalah dengan mengawal kos pembelian, merancang promosi secara tersusun dan mengekalkan kualiti perkhidmatan.

10 PENUTUP

Myrasa Top Enterprise mempunyai potensi untuk berkembang berdasarkan permintaan pasaran yang konsisten serta pengurusan kos yang terkawal. Dengan sokongan dana daripada Bank Rakyat, perniagaan ini dijangka mampu memberi pulangan yang stabil dan berterusan.